

LATIHAN ILMIAH

CIRI-CIRI SASTERA ISLAM DI DALAM HIKAYAT BAKHTIAR

oleh

ABD. RAHAIN B. ABD. KARIM

Bahagian Kesusasteraan
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1982

KATA-KATA PENCHARGAAN

Bismillāhir Rāhmānir Rahim, segala puji-pujian bagi Allāh subhāna wata'āla, Tuhan semesta 'alam. Sesungguhnya dengan taufik dan hidayah serta izinNya, dapatlah saya menyiapkan sebuah Latihan Ilmiah yang serba kekurangan ini.

Sālawat dan salam kepada Rasullullāh, Nabi Allāh Muhammad sālaLlāhu 'alaihi wassalam serta kepada para ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya yang berjuang menegakkan Islam hingga berkembang ke hari ini.

Salam sejahtera kepada kedua ibubapa yang telah mendidik dari kecil hingga mengenal dunia. Semoga Allah s.w.t mengurniakan rahmat ke atas keduanya.

Salam sejahtera serta setinggi-tinggi terima kasih kepada Cik Fatimah binti Busu, penyelia Latihan Ilmiah ini. Terutamanya atas galakkan, teguran-teguran dan saranan-saranan yang membina, hingga selesainya Latihan Ilmiah ini.

Salam sejahtera dan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah, seperti En. Md. Salleh Yaapar, Dr. Haji Mohd. Khalid Taib dan lain-lain, atas pandangan-pandangan yang diberikan. Serta kepada Prof. Madya Dato' Haji Shahnnon Ahmad yang telah memberi kerjasama yang begitu banyak. Bahkan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan bakti ikhlas hingga selesainya Latihan Ilmiah ini.

Semoga Allah s.w.t. memberikan rahmat ke atas sekeliannya dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

KANDUNGAN:

	halaman
KATA-KATA PENGHARGAAN	
PRA KATA.....	i
ABSTRAK.....	iii
BAB I PENDAHULUAN.....	1
BAB II KONSEP SASTERA ISLAM.....	14
BAB III SASTERA YANG HAQ.....	31
BAB IV SASTERA YANG INDAH.....	53
BAB V SASTERA YANG MEMBAWA KEPADA TAQWA	63
BAB VI KESIMPULAN.....	73
HUJUNGAN	84
BIBLIOGRAFI	94

PRA KATA

Bismillāhir Rāhmānir Rahim, segala puji-pujian bagi Allāh subhāna wata'āla, Tuhan semesta 'alam. Sālawat dan salam kepada Nabi Muhammad sālaLlāhu 'alai wassalam serta para ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya.

Sesungguhnya dengan taufiq dan hidayah Allāh subhāna wata'āla serta kudratNya, saya mengucapkan syukur kepadaNya. Bersyukur kerana dapat memperlihatkan sebuah karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam', iaitu Hikayat Bakhtiar dari sudut pandangan Islam.

Malah, kajian ini juga adalah merupakan satu tahap permulaan, dalam memberi penilaian yang adil kepada Hikayat Bakhtiar. Terutamanya untuk memperlihatkan kebaikan serta kemanfaatannya kepada manusia.

Sebagai satu kajian awal, sudah tentulah terdapat banyak kelemahannya. Oleh itu teguran-teguran membina, sangat-sangat dialukan. Supaya kebaikan karya-karya sastera Melayu dapat ditonjol dan dipertahankan.

Semoga dengan kajian ini juga, diharapkan, insyaAllāh memberi perhatian kepada para sarjana kesusasteraan Melayu, para ilmuan dan para pencinta sastera. Dalam melihat karya-karya sastera Melayu dari sudut pandangan Islam dan memperlihatkan kebaikan dan kemanfaatannya kepada manusia.

Maka dengan ini juga akan dapat mengurangkan penilaian yang tidak adil terhadap karya-karya sastera Melayu, khususnya karya-karya yang 'bercorak Islam'. Serta menghapuskan pandangan berat sebelah, terhadap karya-karya sastera Melayu yang dianggap kurang nilainya.

Sebenarnya, apa saja yang ada di dunia ini, tidak ada yang sempurna. Kerana itu soal kekurangan dan kelebihan, kelemahan dan kebaikan ada terdapat pada semua perkara. Maka, sekiranya mahu kebaikan, lihatlah dari segi kebaikannya dan begitulah sebaliknya.

Oleh itu, tepatlah masa dan ketikanya sekarang, melihat kembali karya-karya sastera Melayu, khususnya Hikayat Bakhtiar dari segi kebaikannya pula. Setelah sekian lama dipebesar-besarkan kelemahannya dan diperkecil-kecilkan kebaikan atau kelebihannya. Maka dengan ini juga akan menghilangkan prasangka-prasangka terhadap karya-karya sastera Melayu, khususnya yang 'bercorak Islam' seperti Hikayat Bakhtiar ini.

WaLLāhu wa'alam.

1 hb. Februari, 1982.

Abd. Rahain bin Abd. Karim.

ABSTRAK

Oleh sebab pentingnya kebenaran dan keadilan, maka usaha-usaha mempertahankan dan memperjuangkannya, haruslah terbit dari semua pihak dalam semua bidang. Maka, demi meletakkan karya-karya sastera Melayu ke tempat yang selayaknya, usaha-usaha dari para sarjana dan peminat Kesusasteraan Melayu amatlah diperlukan. Memikirkan pentingnya usaha tersebut, maka kajian ini cuba menonjolkan sebuah karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam', iaitu Hikayat Bakhtiar.

Kajian ini mempunyai beberapa tujuan yang tertentu. Terutamanya untuk menganalisa secara intrinsik yang melibatkan isi cerita, jalan cerita, perwatakan, latar dan sebagainya. Demi memperlihatkan ciri-ciri sastera Islam yang terdapat di dalamnya.

Di samping itu, kajian ini juga cuba memperlihatkan seberapa banyak unsur-unsur didaktik (pengajaran) yang membawa kepada taqwa. Ada pun tujuan yang lain adalah untuk membuktikan sejauhmanakah hikayat ini berkait dengan sastera Islam.

Oleh sebab terdapatnya ciri-ciri sastera Islam di dalam Hikayat Bakhtiar, maka kajian ini ditumpu-

kan pembicaraanya mengikut ciri-ciri sastera Islam, iaitu sastera yang haq, sastera yang indah dan sastera yang membawa kepada taqwa.

Dalam hal sastera yang haq, pembicaraan ditumpukan kepada soal-soal yang berhubung dengan pokok cerita atau tema dan kebenaran isi cerita. Tema yang disen-tuh adalah mengenai kesabaran Bakhtiar, kebijaksanaan dan keadilannya. Bakhtiar begitu sabar menghadapi tuduhan fitnah dari menteri Tahkim. Malah dengan kebijaksanaan berce-rita, Bakhtiar telah terlepas dari hukuman bunuh.

Walau bagaimana pun, Bakhtiar tetap berlaku adil. Beliau hanya memenjarakan Tahkim selama tujuh belas hari, setimpal dengan penderitaan yang di alami oleh Bakh-tiar.

Kesemua tema, kesabaran, kebijaksanaan dan keadilan adalah berkait dengan tema cerita sisipan yang terdapat di dalam cerita Bakhtiar kepada raja. Ada empat ce-rita sisipan semuanya. Cerita sisipan yang pertama mengenai Si Pemikat, keduanya pula mengenai Si Pengail dan cerita yang ketiga mengenai saudagar Hassan dan Siti Dinar serta dalam cerita sisipan yang keempat adalah mengenai seorang raja bersama isteri dan dua orang anaknya. Maka kesemua cerita sisipan ini ada kesatuan tema antara satu sama lain

dan antara cerita sisipan dengan cerita utama, mengenai Bakhtiar.

Dalam soal sastra yang indah, aspek yang disentuh adalah mengenai gaya bahasa, penggunaan bahasa dan jalan cerita serta jalinan cerita. Ada banyak perkataan bahasa Arab yang digunakan, di samping perkataan yang berhubungan dengan Islam seperti 'Allāh', 'tawakal' dan sebagainya.

Gaya bahasa yang digunakan adalah menurut gaya bahasa Arab. Ayat digunakan adalah panjang-panjang dan dihubungkan antara ayat-ayat oleh perkataan-perkataan seperti, 'maka', 'hatta' dan sebagainya.

Oleh sebab menggunakan ayat-ayat yang mengikut struktur ayat-ayat Arab, maka gaya bahasa yang digunakan adalah sesuai untuk cerita yang berbentuk hikayat, seperti hikayat yang dibicarakan ini. Malah, terdapat juga jalinan ceritanya mengikut susunan ayat-ayat Al-Qurān ul-Karim. Terutama tentang bentuk cerita dalam cerita yang dihubungkan oleh kesatuan tema.

Mengenai sastra yang membawa kepada taqwa, perhatian ditumpukan kepada soal-soal gambaran peristiwa dan perwatakan, termasuk juga soal latar cerita. Namun, soal yang ditekankan adalah tentang perkara-perkara baik yang dilakukan oleh Bakhtiar, ibunya serta bapanya.

Bakhtiar memperlihatkan kesabarannya semasa menghadapi fitnah yang diadakan oleh Tahkim. Serta kesabarannya menjalani tahanan penjara sementara menunggu hasil penyiasatan oleh pihak kadhi. Kebijaksanaan Bakhtiar juga jelas terbayang, bila ia berjaya menyampaikan cerita-cerita nasihat kepada raja. Akhirnya Bakhtiar menunjukkan keadilannya dengan memenjarakan Tahkim setimpal dengan derita yang dialami oleh Bakhtiar sendiri.

Ibu Bakhtiar pula adalah diperlihatkan sebagai seorang isteri yang taat kepada kehendak suaminya. Ia sanggup meninggalkan kesenangan dan menggembara melalui hutan rimba, demi kebaikan suami dan rumahtangganya.

Manakala bapa Bakhtiar pula, sanggup meninggalkan negeri dan turun dari takhta demi kesejahteraan rakyatnya. Sesungguhnya, tindakan bapa Bakhtiar itu bukanlah tindakan orang yang pengecut, tetapi beliau lebih mementingkan kesejahteraan seluruh negeri dan orang ramai

Semua gambaran dan peristiwa yang ditunjukkan adalah diterima dan sesuai dengan kehendak ajaran Islam. Islam adalah 'addin' atau peraturan hidup yang mementingkan kesejahteraan seluruh manusia.

Penjelasan dan pembicaraan mengenai aspek-aspek yang disentuh telah dirumuskan di dalam bahagian kesimpulan kajian ini. Pada keseluruhannya, dapatlah dilihat, bahawa kajian ini telah memberi kesimpulan, iaitu Hikayat Bakhtiar ini mengandungi ciri-ciri sastera Islam. Namun, ianya tidak tergolong di dalam karya-karya sastera Islam. Sebaliknya, dengan terdapat unsur-unsur didaktik yang sesuai dengan Islam di dalam hikayat ini, maka agak wajar hikayat ini digolongkan di dalam karya-karya sastera yang 'bercorak Islam'.

BAB 1

PENDAHULUAN

Sesuatu yang haq, selayaknya dipertahankan oleh setiap orang. Sekiranya, sesiapa saja yang mahu menegakkan yang batil, lambat laun ia akan lenyap, bila timbulnya yang haq.¹ Oleh yang demikian, setiap orang mestilah berani, sabar dan berkeyakinan dalam mempertahankan yang haq.

Maka sudah sampai masa dan ketikanya, bagi karya-karya sastera Melayu, khususnya yang dikatakan 'bercorak Islam', diberi penilaian yang sewajarnya. Ini penting, terutamanya bagi meletakkan kedudukan karya-karya jenis ini, di tempatnya yang haq dan selayak baginya. Selama ini kajian-kajian yang dilakukan terhadap karya-karya sastera Melayu lebih menumpukan kepada karya-karya yang tiada atau kurang menampakkan unsur-unsur keislaman.

Sebenarnya, karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam' mempunyai nilai-nilai yang tinggi, tetapi kurang dipedulikan oleh para sarjana Kesusasteraan Melayu. Ini jelas hingga kemasakini para sarjana Kesusasteraan Melayu, baik sarjana tempatan atau luar negeri lebih menekankan kepada

soal sejarah² atau kesusasteraan³ sahaja.

Kecenderungan para sarjana Kesusasteraan Melayu mengkaji dari segi sejarah atau kesusasteraan terhadap karya-karya sastera Melayu, adalah disebabkan beberapa hal. Bagi sarjana tempatan lebih berminat dari segi budaya bangsanya dan cuba memperlihatkan nilai-nilai kebangsaannya. Manakala bagi sarjana luar negeri atau pihak 'orientalis', lebih suka melihatnya dari segi sejarah kerana mereka menganggap kesusasteraan mereka lebih tinggi. Malah ketinggian itu dapat dipertahankan, jika karya-karya sastera tempatan dilihat dari segi sejarah.

Oleh yang demikian, wujudlah kekurangan minat dalam mengkaji karya-karya sastera Melayu dari sudut lain. Namun, keadaan yang sedemikian tidak harus dibiarkan berterusan. Kajian dari sudut lain patut dilakukan demi memperlihatkan nilai-nilai karya sastera Melayu yang masih belum banyak di ambil perhatian. Terutamanya karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam'.

Memandangkan situasi masyarakat hari ini, kebanyak-

2

R.O. Winstedt, A History of Classical Malay Literature, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977).

3

Ali Ahmad, Kajian Sejarah Melayu, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1977). hal.ii

annya di kalangan muda mudi, telah wujud satu fenomena baru, iaitu soal keruntuhan akhlak. Bersesuaian dengan kebangkitan Islam kini, maka wajarlah karya-karya sastera memainkan peranan dalam menegakkan kembali nilai-nilai akhlak yang mulia.⁴ Kesempatan ini perlulah diambil segera dengan mengenengahkan karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam'.

Demi memperlihatkan contoh-contoh akhlak yang mulia, maka seharusnya karya-karya tersebut hendaklah dilihat dari sudut pandangan atau 'weltanschauung' Islam. Ini adalah wajar kerana karya-karya tersebut mempunyai kaitan dengan Islam.

Karya-karya seumpama ini juga patut diketengahkan sekarang, memandangkan kebanyakannya ditulis dalam tulisan Jawi. Malah untuk menyelamatkan karya-karya yang mempunyai nilai ini diabaikan, maka penonjolan dan kajian terhadap karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam', seharusnya dipergiatkan kini. Tambahan pula generasi muda hari ini lemah dalam tulisan Jawi dan menganggap mudah terhadap 'addin' atau peraturan hidup Islam.

4

Shahnon Ahmad, Kesusasteraan dan Etika Islam, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1981). hal.45

Walau bagaimana pun kita harus berterima kasih kepada pihak-pihak yang tertentu,terutamanya yang banyak berusaha untuk menyelamatkan karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam'.Apatah lagi dalam keadaan sekarang, karya-karya seperti itu sudah tidak ada tempat dalam masyarakat.

Usaha-usaha yang dijalankan oleh para penulis dalam merumikan karya-karya tersebut dari tulisan Jawi, patutlah digalakkan.Misalnya Khalid Husin telah merumikan Hikayat Iskandar Zulkarnain.Pihak-pihak penerbit juga patut diberi pujian kerana berani menerbitkan karya-karya yang belum tentu pasarannya itu.Di antara para penerbit yang begitu minat dengan karya-karya sastera Melayu lama, ialah seperti pihak Dewan Bahasa dan Pustaka,Pustaka Antara dan sebagainya.Namun begitu,masih banyak karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam,terutamanya naskah-naskah dalam tulisan Jawi,masih kurang diberi perhatian.

Untuk memenuhi harapan tersebut,maka kajian ini cuba menonjolkan dan memberi perhatian kepada sebuah karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam'.Karya yang dipilih untuk kajian ini adalah Hikayat Bakhtiar.Hikayat Bakhtiar, sebenarnya mempunyai banyak versi.

Ada versi panjang yang mempunyai lebih dari enam puluh buah cerita sisipan. Manakala versi pendeknya pula, ada yang mempunyai empat atau lima buah cerita sisipan.⁶ Hikayat Bakhtiar ini adalah termasuk di dalam genre cerita-cerita berbingkai.⁷

Walau pun begitu, Hikayat Bakhtiar⁸ di dalam versi bahasa Melayu tidak ada kaitan dengan versi di dalam bahasa Farsi yang disebut Bakhtiar Nameh.⁹ Terutama-nya versi pendek, manakala versi panjang ada mempunyai kaitan yang jelas.¹⁰

Namun begitu, Hikayat Bakhtiar versi pendek di dalam bahasa Melayu telah dipilih untuk kajian ini. Versi panjang telah pun dibicarakan oleh Baharuddin Zainal.¹¹ Naskah yang digunakan untuk kajian, adalah naskah yang dicetak dalam tulisan Jawi.

6

M.G. Emeis, Bunga Rampai Melayu Kuno, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975). ha. 16

7

Cerita ini mengandungi satu cerita utama dan beberapa cerita sisipan. Ia juga disebut cerita dalam cerita.

8

Naskah yang digunakan di dalam kajian ini adalah naskah fotostet dari naskah asal kepunyaan En. Hassan Sahak yang tinggal di Tanah Liat, Bukit Mertajam, Seberang Perai, Pulau Pinang.

9

M.G. Emeis, hal. 16

10

Baharuddin Zainal, Bunga Rampai Sastera Lama III-Hikayat Bakhtiar, (Kuala Lumpur: D.B.P., 1963). h. vii-viii

11

ibid.

Naskah ini ada persamaan dengan naskah yang dibicarakan oleh M.G.Emeis.¹² Oleh yang demikian naskah ini mungkin naskah karangan penulis tempatan dan bukan naskah terjemahan. Perbezaan ini jelas pada cerita utama dan sisipannya jika dibandingkan dengan versi yang dibicarakan oleh Baharuddin Zainal. Malahan M.G.Emeis menegaskan bahawa versi pendek yang dibicarakannya itu tidak mempunyai kaitan dengan versi panjang yang lain dan Bakhtiar Nameh.¹³

Oleh sebab ada beberapa perkara yang menarik mengenai Hikayat Bakhtiar ini, maka ianya telah dipilih untuk kajian permulaan ini. Di antara sebab-sebabnya ialah naskah ini ditulis di dalam tulisan Jawi. Walau pun dikatakan versi pendek, namun naskah ini mempunyai 75 muka surat dengan ukuran 13 cm. X 20 cm. Serta yang menarik lagi versi pendek ini tiada hubungan dengan versi panjang atau dengan hikayat dari Farsi. Malahan yang paling menonjol sekali adalah di dalam naskah ini terdapat beberapa unsur-unsur keislaman yang mungkin berkait dengan sastera Islam.

Maka dengan hal yang tersebut di atas serta melihat situasi masyarakat yang menghadapi dilema keruntuhan akhlak di kalangan muda mudi, diharapkan kajian ini sekurang-kurang-

12

M.G.Emeis, hal.16-42

13

ibid., hal.16

nya mendorong kepada para ilmuan untuk membuat kajian dengan lebih mendalam lagi. Serta memberi manfaat kepada seluruh masyarakat. Terutamanya kepada generasi muda hari ini yang sudah mulai renggang dengan ajaran Islam.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa tujuan yang tertentu. Tujuan yang utama adalah untuk menganalisa naskah Hikayat Bakhtiar ini bagi memperlihatkan ciri-ciri sastera Islam yang terdapat di dalamnya.

Di samping itu, kajian ini juga cuba memperlihatkan unsur-unsur didaktik yang terdapat di dalam hikayat tersebut. Terutamanya unsur-unsur didaktik yang membawa kepada pembinaan akhlak yang mulia.

Manakala tujuan yang ketiga adalah untuk membuktikan sejauhmanakah Hikayat Bakhtiar ini berkait dengan sastera Islam. Untuk tujuan tersebut, maka perlu sekali diperjelaskan bidang dan had kajian, agar kajian ini tidak lari dari tujuan asalnya.

BIDANG DAN HAD KAJIAN.

Untuk memudahkan kajian, sepertimana yang dijelaskan pada awal tadi, hanya naskah Hikayat Bakhtiar kepunyaan En. Hassan Sahak yang digunakan.

Penumpuan adalah diberi kepada aspek-aspek dalam sahaja. Terutamanya isi cerita Hikayat Bakhtiar itu sendiri. Di samping aspek-aspek lain yang membina cerita seperti tema, jalan cerita, gaya yang digunakan serta aspek latar dan perwatakan yang diperlihatkan.

Oleh sebab kajian ini menumpukan aspek-aspek dalam karya sahaja, maka aspek-aspek luaran adalah di luar bidang kajian ini. Terutamanya aspek-aspek mengenai pengarang, proses mengarang, pengaruh-pengaruh luar yang mempengaruhi karya dan sebagainya, tidaklah termasuk di dalam kajian ini.

KEPENTINGAN KAJIAN.

Kajian-kajian yang dijalankan terhadap karya-karya sastera Melayu selama ini, kebanyakannya cuba memperlihatkannya dari segi kesusasteraan atau sejarah. Ini menyebabkan karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam' kurang mendapat perhatian dari para sarjana Kesusasteraan Melayu. Akibatnya, karya-karya tersebut sudah mulai diabaikan.

Demi mempertahankan yang hak, maka sewajarnya karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam' diberi penilaian yang baru. Dengan demikian dapatlah diletakkan kedudukan karya-karya tersebut ke tahap yang selayaknya. Terutamanya Hikayat Bakhtiar yang digunakan di dalam kajian

ini.

Malah hal yang penting juga mengenai Hikayat Bakhtiar ini ialah ianya mempunyai unsur-unsur didaktik. Unsur-unsur didaktik ini pula perlu ditonjolkan pada masa kini. Sekurang-kurangnya dapat menjadi panduan kepada generasi muda hari ini untuk dicontohi. Khususnya dalam masa sekarang masyarakat sedang mengalami dilema keruntukan akhlak.

Oleh sebab Hikayat Bakhtiar ini ditulis di dalam tulisan Jawi, maka amat penting sekali hikayat ini diketengahkan kembali. Terutamanya supaya dapat diperjelaskan isi kandungannya, agar dapat difahami oleh generasi muda hari ini yang rata-rata kurang mahir atau memahami tulisan Jawi. Maka adalah difikirkan amat berfaedah sekali karya yang mempunyai nilai ini dikaji.

Semoga dengan kajian ini akan menambahkan jumlah kajian-kajian mengenai karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam'. Kini, hanya ada beberapa kajian yang ditumpukan kepada karya-karya seperti itu. Misalnya ada kajian yang telah dijalankan terhadap Hikayat Raja Handak¹⁴ secara mendalam oleh seorang pengkaji karya-

14

Fatimah Mohd. Yassin, "Hikayat Raja Handak", (Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1972).

karya sastra Melayu beberapa ketika dahulu. Malah ada karya-karya lain yang turut juga dikaji, iaitu seperti Hikayat Sultan Bustaman,¹⁵ Hikayat Amir Hamzah¹⁶ dan sebagainya.

Di samping itu terdapat juga kajian-kajian yang dijalankan terhadap lain-lain karya sastra Melayu dari sudut pandangan Islam. Diantaranya termasuklah kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahman Rukaini,¹⁷ Abdul Rozak bin Zaidan¹⁸ dan beberapa orang lagi.

Namun kajian-kajian yang dijalankan belumlah dapat dibanggakan. Hal ini disebabkan kajian-kajian dari sudut pandangan Islam terhadap karya-karya sastra Melayu, khususnya karya-karya yang 'bercorak Islam' adalah terlalu kecil, jika dibandingkan dengan jumlah kajian-kajian dari sudut pandangan lainnya.

Maka seharusnya kajian ini diberi perhatian, demi satu pendorong atau penggalak kepada kajian-

15

Azidin Mahmud, "Hikayat Sultan Bustaman", (Latihan Ilmiah untuk Sarjana Muda, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1970).

16

S. Van Ronkel, "De Roman Van Amir Hamza", (Disertasi, Leiden, 1895)

17

Abdul Rahman Rukaini, "Penjiwaan Islam Dalam Kesusasteraan Melayu Lama dengan Kajian Intrinsik kepada Kitab Sejarah Melayu", (Latihan Ilmiah untuk Sarjana Muda, IBKMM, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976).

18

Abdul Rozak bin Zaidan, "Aspek Keagamaan Dalam Karya-Karya Sastra Beberapa Tokoh Angkatan 45", (FSK, Universiti Gadjah Mada, Yogyakarta, 1974).

kajian atau penyelidikan terhadap karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam' lainnya. Hal ini penting kerana banyak karya-karya sastera Melayu yang 'bercorak Islam' masih tidak diambil perhatian.

Diantara karya-karya yang masih kurang diambil perhatian adalah seperti Hikayat Iskandar Zulkarnain, Hikayat Malik Saiful Lizan, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah dan sebagainya yang termasuk di dalam genre epik. Manakala karya-karya mengenai Nabi Muhammad s.a.w adalah seperti Hikayat Nur Muhammad, Hikayat Nabi Wafat dan sebagainya. Ada pun karya-karya yang termasuk di dalam kumpulan cerita-cerita berbingkai pula adalah seperti Hikayat Bayan Budiman, Hikayat Seribu Satu Malam dan sebagainya.

Walau bagaimana pun tidaklah dinafikan bahawa kajian-kajian terhadap karya-karya tersebut tidak pernah dijalankan, tetapi kajian-kajian yang ada itu belum lagi memadai. Terutamanya dalam memperlihatkan nilai-nilai yang tinggi dan bermanfaat pada karya-karya tersebut.

KAEDAH KAJIAN.

Kaedah kajian yang dijalankan adalah secara intrinsik. Terutamanya lebih menitikberatkan kepada aspek-aspek seperti tema, jalan cerita, latar dan perwatakan serta gaya, di samping perhatian khusus kepa isi cerita.

Kemudian dari penganalisaan aspek-aspek tersebut, disesuaikan dengan ciri-ciri sastra Islam seperti mempunyai isi yang haq (sastra Yang haq), gaya dan penyampaian yang indah (sastra yang indah) dan intisari yang membawa kepada taqwa (sastra yang membawa kepada taqwa).

Untuk mendapat hasil kajian yang diharapkan, maka kajian ini hanya menumpukan kepada naskah Hikayat Bakhtiar yang dimiliki oleh En. Hassan Sahak sahaja. Disamping membuat perbandingan dengan naskah-naskah lain, jika diperlukan.

SUSUNAN LATIHAN ILMIAH.

Susunan latihan ilmiah ini didahului dengan Bab I yang membicarakan tentang tujuan kajian, bidang dan skop kajian, kepentingan kajian serta kaedah kajian. Ada pun dalam Bab II pula membicarakan tentang konsep sastra Islam secara keseluruhannya.

Di dalam Bab III seterusnya akan membincangkan tentang ciri sastra Islam sebagai sastra yang haq. Bahagian ini menitikberatkan soal isi dan tema cerita. Kemudian diikuti pula dengan Bab IV yang menyentuh soal jalan cerita dan gaya bahasa. Bab ini juga membicarakan ciri sastra Islam sebagai sastra yang indah. Ciri ini adalah ciri yang kedua bagi ciri-ciri sastra Islam.

Ada pun ciri sastera Islam yang ketiga, iaitu sastera yang membawa kepada taqwa, akan dibicarakan di dalam Bab V. Dalam bab ini hal yang akan disentuh adalah mengenai latar dan perwatakan. Manakala di dalam Bab VI pula adalah memberi kesimpulan kepada hasil kajian yang dijalankan. Mengenai sinopsis atau ringkasan cerita hikayat ini adalah dimuatkan di bahagian hujung.

(Terjemahan dari Surah
ad-Dzaariyaat, ayat:56)

Perkataan 'adanya' berasal dari perkataan Arab. Kata 'adanya' adalah 'adanya'. Berasal dari kata 'adanya' yang bererti 'adanya'. Maksudnya adalah 'adanya' yang bererti 'adanya'. 'adanya' yang bererti 'adanya' atau 'adanya' yang bererti 'adanya'. Lihat juga dalam Muhammad bin Ahmad al-Muwahhidi, Perkataan dalam Ijazah, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1970), hal. 1-4 dan Syeikh Muhammad Naguib Al-Akhkhar, Fahaman Agama dan Akhlak, (K. Lumpur: al-Farooq, hal. 1-10